

TATACARA PERMOHONAN KURSUS SECARA ONLINE DI INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)

1. Layari laman web INTAN di alamat <http://www.intanbk.intan.my>
2. Di bahagian **Perkhidmatan Dalam Talian**, klik pautan **Permohonan Kursus**.
3. Buat pilihan kampus sama ada Kampus INTAN Bukit Kiara, Kampus INTAN Wilayah Selatan, Kampus INTAN Wilayah Timur dan sebagainya. Senarai kursus yang terpapar adalah mengikut kampus yang dipilih.
4. Pilihan kursus boleh dibuat dengan mengklik pada nama kursus berkenaan. Butiran lebih lanjut tentang kursus tersebut akan dipaparkan.
5. Klik butang **Mohon Kursus** untuk membuat permohonan kursus.
6. Masukkan nombor kad pengenalan dan klik butang **Hantar**.
7. Isikan butiran peribadi yang diminta dengan lengkap. **Pastikan semua bahagian termasuk bahagian Perakuan Pemohon dipenuhi**. Anda harus memohon kebenaran daripada Ketua Jabatan **sebelum** berkursus di INTAN.
8. Setelah selesai, klik butang **Hantar**.
9. Satu pop-up window akan dipaparkan dan slip Permohonan Kursus Secara Online boleh dicetak untuk difailkan.
10. Status permohonan kursus akan dimaklumkan secara *online* daripada pihak INTAN.

Nota: *Disable pop-up blocker* supaya slip Permohonan Kursus boleh dicetak.

SEMAKAN STATUS PERMOHONAN KURSUS SECARA ONLINE

Bagi permohonan kursus secara online, semakan status permohonan kursus boleh dibuat di laman web INTAN.

1. Layari laman web INTAN di alamat <http://www.intanbk.intan.my>
2. Klik pautan **Status Permohonan Kursus** pada bahagian **Perkhidmatan Dalam Talian**.
3. Buat pilihan kampus di mana permohonan telah dibuat.
4. Masukkan nombor kad pengenalan dan klik butang **Hantar**.
5. Status permohonan kursus akan dipaparkan (Berjaya/Tidak Berjaya/Dalam Proses).